



# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

## **BANK ISLAM, TABUNG HAJI DAN VISA LANCAR KAD DEBIT-i JENAMA BERSAMA**

*Sasar lebih 100,000 pemegang kad dalam tempoh setahun*

**KUALA LUMPUR, Selasa, [11 Februari 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) hari ini melancarkan **Kad Debit-i Bank Islam Visa Tabung Haji**, hasil usaha sama dengan rakan strategiknya iaitu Lembaga Tabung Haji (“Tabung Haji”) dan Visa.

Kad Debit-i ini dilengkapi dengan pelbagai keistimewaan dan ganjaran eksklusif untuk para pemegang kad. Selain menawarkan rangkaian pembayaran dan akses tunai yang meluas di seluruh dunia, ia juga memudahkan urusan transaksi kewangan bagi jemaah Haji ketika berada di Arab Saudi.

Majlis pelancaran kad tersebut berlangsung di Hotel Dorsett Putrajaya telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir, Yang Berbahagia Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji; Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Berhad; Puan Mandy Lamb, Pengurus Negara Kumpulan, Rantau Asia Tenggara Visa dan Encik Ng Kong Boon, Pengurus Negara Visa Malaysia.

Encik Mohd Muazzam berkata, “Sebagai peneraju perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia, misi utama kami adalah untuk menyediakan penyelesaian kewangan yang relevan bagi memenuhi keperluan setiap pihak berkepentingan. Oleh itu, jalinan kerjasama strategik bersama Tabung Haji dan Visa adalah penting bagi memastikan kami dapat memberikan nilai tambah kepada golongan sasaran, khususnya pendeposit Tabung Haji yang belum mempunyai Akaun Simpanan atau Semasa dengan Bank Islam.”

Bank Islam mula memperkenalkan kad Debit-i Visa di pasaran pada tahun 2011. Setakat Januari 2020, Bank Islam telah mengeluarkan lebih daripada 3 juta kad debit di pasaran. Melihat kepada potensi pasaran yang memberangsangkan, Bank Islam berhasrat untuk mencapai 100,000 pemegang Kad Debit-i Bank Islam Visa Tabung Haji ini dalam tempoh setahun dari sekarang.

Kad Debit-i Bank Islam Visa Tabung Haji merupakan kad eksklusif yang menerapkan pelbagai ganjaran tambahan berbanding kad debit Bank Islam sedia ada. Pemegang kad juga dapat menikmati keistimewaan-keistimewaan khusus seperti berikut:

- Pengecualian fi pengeluaran tunai di Arab Saudi semasa musim Haji .
- Kadar tambang istimewa bagi perkhidmatan KLIA Ekspres.
- Diskaun menarik di Hotel dan Pusat Konvensyen Movenpick bagi penginapan bilik Superior, sajian selera dan lain-lain kemudahan.
- Diskaun istimewa bagi pakej yang ditawarkan oleh TH Travel & Services dan juga pelbagai tawaran menarik di saudagar-saudagar terpilih Visa.

Pemegang kad berpeluang untuk membuat pembayaran di lebih 60 juta lokasi saudagar dan mendapat akses tunai di lebih 2.5 juta terminal layan diri (ATM) di seluruh dunia, termasuk di Arab Saudi. Bagi pendeposit Tabung Haji, mereka boleh mengakses dana akaun masing-masing dengan menghubungkan akaun Tabung Haji dengan kad ini dan membuat pemindahan daripada akaun berkenaan ke Akaun Simpanan atau Semasa Bank Islam yang telah dibuka.



**Ilustrasi 1.0:** Kad Debit-i Bank Islam Visa Tabung Haji

Bank Islam sentiasa berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang seiring dengan perkembangan teknologi semasa serta selera pelanggan, tanpa mengabaikan tanggungjawab sosial dan kelestarian alam sekitar. Sehubungan itu, Kad Debit-i Bank Islam

Visa Tabung Haji merupakan kad biorosot (*biodegradable*) pertama yang dikeluarkan bank ini. Diperbuat daripada bahan-bahan mesra alam tanpa menjejaskan kualiti dan daya tahan, kad ini juga kalis bahan kimia dan alkali serta boleh dikitar semula. Malah, material polietilena tereftalat (PET) yang digunakan merupakan salah satu plastik yang paling banyak dikitar semula di dunia. Seperti kad debit lain, Kad Debit-i Bank Islam Visa Tabung Haji ini juga mempunyai ciri-ciri bayaran tanpa sentuh untuk membolehkan transaksi pembayaran lengkap dalam masa yang singkat.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Datuk Nik Mohd Hasyudeen berkata, “TH melangkah setapak lagi dengan pengenalan Kad Debit Islamik Tabung Haji (Kad Debit-i TH) yang pasti akan mengurangkan pergantungan pendeposit kepada perkhidmatan kaunter TH, malah urusan pengeluaran tidak lagi tertakluk kepada waktu urusan kaunter. Ia adalah seiring dengan peredaran masa dan memenuhi jangkaan pendeposit TH yang semakin tinggi. Kad ini juga bakal memberi kemudahan kepada para pendeposit TH dan pelanggan Bank Islam untuk melakukan transaksi pengeluaran wang ketika di dalam dan luar negara.”

Encik Ng Kong Boon, Pengurus Negara Visa Malaysia menyatakan, “Kami berbesar hati kerana dapat bekerjasama dengan Bank Islam dan Tabung Haji dalam melancarkan Kad Debit Islamik ini bagi pelanggan di Malaysia. Kad ini direka bagi memberi pelbagai manfaat kepada pemegang kad, termasuk pengecualian caj bagi transaksi pengeluaran tunai ketika musim Haji di Arab Saudi. Selain itu, pemegang kad juga mempunyai akses ke lebih 60 juta saudagar di seluruh dunia yang menerima perkhidmatan Visa. Penawaran ini akan menggalakkan penggunaan kad bagi transaksi pembayaran dan pelanggan tidak perlu membawa wang tunai yang banyak semasa mengembara.”

Kad Debit-i Bank Islam Visa Tabung Haji boleh didapati di semua 144 cawangan Bank Islam di seluruh negara mulai akhir Mac 2020. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kad debit-i terbaharu ini, pelanggan boleh mengunjungi cawangan Bank Islam yang terdekat atau melayari laman sesawang Bank Islam di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi

keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

### **Mengenai Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (TH) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). TH menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. TH mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, TH berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. TH komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian TH yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. TH mempunyai lebih daripada 9 juta pendeposit dan 125 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. TH juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919.

### **Mengenai Visa**

Visa Inc. (NYSE:V) adalah peneraju pembayaran digital dunia. Misi kami adalah untuk menghubungkan dunia melalui rangkaian pembayaran yang paling inovatif, diyakini, dan selamat yang memacu prestasi individu, perniagaan dan ekonomi. Rangkaian pemprosesan global berteknologi tinggi kami, VisaNet, menyediakan kaedah pembayaran yang selamat dan boleh dipercayai di seluruh dunia. Ia mampu mengendalikan lebih 65,000 mesej transaksi sesaat. Fokus berterusan Syarikat dalam inovasi adalah pemangkin kepada pertumbuhan pesat perdagangan digital pada sebarang peranti untuk semua pihak, di mana sahaja. Seiring dengan peralihan daripada sistem analog kepada digital, Visa mengaplikasikan jenama, produk, kakitangan, rangkaian dan skala kami bagi membentuk masa depan industri perdagangan. Untuk maklumat lanjut, layari [www.visa.com.my](http://www.visa.com.my)

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
---	---